

31/10/2003

Syabas Dr Mahathir, teruskan perjuangan Pak Lah

HARI ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasminya akan melepaskan jawatan Perdana Menteri yang disandangnya selama 22 tahun. Beliau telah menerajui negara ini dengan jayanya dan sebagai rakyat Malaysia, kita telah bersama-samanya mengharungi segala peristiwa suka dan duka sepanjang tempoh itu. Dr Mahathir telah memperkenalkan pelbagai perubahan dan pembangunan sehingga nama Malaysia tersohor di seluruh dunia. Sewajarnya kita menghargai kepemimpinan yang telah beliau berikan dan contoh teladan yang ditunjukkan. Kewibawaan, karisma, emansipasi yang tinggi, kebijaksanaan dan kepintaran beliau sepatutnya menjadi teladan kepada kita.

Ibarat sebuah persembahan teater, Dr Mahathir mengarahkannya sendiri sebagai Perdana Menteri. Dengan barisan pelakon dan pelbagai watak, beliau mengemudi persembahan Malaysia bukan saja pada mata 24 juta rakyat, malah berbilion-bilion penduduk dunia. Beliau memperincikan kehidupan rakyat, membuka pemikiran masyarakat kepada apa yang mampu dicapai serta memberikan sebab untuk sebuah negara di hujung benua Asia ini berdiri megah. Dr Mahathir menterjemah imaginasi kepada realiti, memberi nafas kepada mereka yang memiliki kemahuan dan membidas mereka yang leka dan dibuai mimpi. Beliau memberi tempat kepada orang Melayu sehingga kita kini dapat menebus balik maruah dan mengembalikan kehormatan kepada agama Islam.

Petang ini, Dr Mahathir akan meninggalkan kompleks Perdana Putra, bukan sebagai Perdana Menteri, sebaliknya orang biasa. Pasti ada kesedihan mengiringi pemergiannya tetapi kita tidak sewajarnya membiarkan beliau menitikkan air mata. Bukan Dr Mahathir yang sepatutnya menangis, sebaliknya kita kerana masih belum mampu mencapai harapan besarnya. Tidak semua hasratnya kesampaian, sebaliknya dalam beberapa perkara kita sering mengecewakannya. Tetapi, kita bersyukur kerana kita sekurang-kurangnya ada Datuk Azhar Mansor, M Magendran, N Mohanadas, Datuk Abdul Malik Mydin dan ramai lagi yang mampu membuktikan bahawa kita boleh berjaya.

Esok, apabila Dr Mahathir bangun dan menatap keluar tingkap, kebanyakan daripada tanggungjawab yang dipikulnya selama 22 tahun sudah pasti hilang dari bahunya. Tirai persembahannya sudah dilabuhkan, tetapi seperti mana-mana persembahan teater gemilang abad ini, penonton yang menikmatinya masih merasakan tepukan gemuruh yang diberikan dan tepukan itu akan sentiasa bermain di telinganya. Dr Mahathir akan tetap dikenang sebagai pemimpin yang berjaya membawa negara mencapai kemajuan dan pembangunan yang cukup gemilang.

Bagi anggota Umno, penghargaan yang lebih bermakna kepada beliau ialah melihat anggota parti terus berganding bahu untuk menjayakan parti dan menolak segala persengketaan. Seperti amanatnya semalam, hanya parti boleh menubuhkan kerajaan di Malaysia dan bukannya individu. Oleh itu, pemimpin dan anggota parti hendaklah memastikan parti yang mendapat kejayaan dan bukannya individu. Selain sikap rajin, bersungguh-sungguh dan berdisiplin, orang Melayu juga perlu mempunyai rasa malu jika mereka membelakangkan kepentingan parti kerana hanya bangsa yang tahu malu saja akan berjaya. Sewajarnya, amanat ini menjadi panduan dan pegangan kepada kita bagi memastikan segala usaha Dr Mahathir selama ini tidak sia-sia.

Mulai hari ini, tumpuan di Putrajaya akan beralih kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengemudi satu lagi persembahan bagi membawa Malaysia ke hadapan dengan semua cabaran dan peluang yang tersedia. Berdasarkan pengalaman sebagai pemimpin politik, menteri Kabinet dan pegawai pentadbiran tertinggi kerajaan, Abdullah sudah pasti dapat

mentadbir negara dengan baik dan meneruskan kecemerlangan pada peringkat antarabangsa.

Ternyata, Dr Mahathir menyerahkan kepemimpinan negara yang kukuh kepada Abdullah. Seperti kata Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Dr Mahathir meninggalkan `sebuah kapal yang sempurna dengan pegawai yang baik serta enjin yang berfungsi dengan betul' dan Abdullah yang menggantikannya akan berupaya meneruskan proses itu `tanpa terlalu banyak kesulitan'. Apa yang penting sekarang ialah kita terus berjuang mencapai kejayaan lebih besar dan mengekalkan perpaduan serta memberi sumbangan pembangunan bukan sekadar untuk orang Melayu, malah untuk bangsa Malaysia. Selamat bersara Dr Mahathir.

(END)